

PERATURAN KEJOHANAN OLAHRAGA KE 17 (2025)
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH ISLAM NEGERI KEDAH
PERINGKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang **KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM)**.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kedah (MSSK) dan Peraturan-Peraturan pertandingan, Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Rendah Islam Kedah (KEJORA) di bawah Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Islam Kedah (MERSIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK).
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

2.0 TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

2 Ogos 2025 - Mini Stadium, Kompleks Sukan UUM, Sintok, Kedah.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan dari Sekolah Rendah Islam di bawah Majlis Guru Besar Sekolah-Sekolah Rendah Islam Kedah (MERSIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK). Penyertaan hendaklah dibuat melalui sekolah masing-masing.
- 3.2 Setiap sekolah hendaklah mengisi penyertaan menggunakan sistem dalam talian yang disediakan oleh pihak tuan rumah untuk menyertai kejohanan ini.
- 3.3 Borang rasmi di dalam sistem hendaklah diisi dengan lengkap dan dicetak beserta salinan sijil lahir atau kad pengenalan atau dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan oleh guru besar. Kegagalan berbuat demikian akan membatalkan penyertaan sekolah atau peserta.
- 3.4 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan Perempuan terdiri daripada berikut :-
 - 3.4.1 Pegawai (Guru Pengiring) – Tiga (3) orang setiap sekolah) terdiri daripada:-
 - 3.4.1.1 Satu (1) orang Ketua Kontinjen @ Pengurus Pasukan
 - 3.4.1.2 Satu (1) orang Jurulatih
 - 3.4.1.3 Satu (1) orang Penolong Jurulatih

3.4.1 Peserta

3.4.2.1 Peserta acara individu yang telah berjaya dan diiktiraf oleh peringkat zon masing-masing (zon utara dan selatan) sahaja yang boleh didaftarkan untuk menyertai kejohanan peringkat akhir ini. Peserta ini juga TIDAK BOLEH ditukar dengan peserta lain.

3.4.2.2 Pasukan sekolah yang telah berjaya dan diiktiraf oleh peringkat zon masing-masing (zon utara dan selatan) sahaja yang boleh didaftarkan untuk menyertai acara berpasukan dalam kejohanan peringkat akhir ini. Satu pasukan 5 orang SAHAJA termasuk seorang pelari simpanan. Atlet sekolah yang berada di dalam sebuah pasukan yang layak BOLEH ditukar ganti.

4.0 KELAYAKAN PESERTA

- 4.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 2013 dan selepasnya bagi setiap sekolah layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 4.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan satu (1) salinan Kad Pengenalan (My Kid) atau Sijil Lahir atau dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan oleh Guru Besar bagi setiap peserta di dalam borang R 01.
- 4.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan pengesahan peserta dari Jawatankuasa Pertandingan sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 4.4 Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum Tarikh tutup pendaftaran. Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan denda RM 10.00 seorang.

5.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 5.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan lima (5) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 5.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan (My Kid) atau Sijil Lahir atau dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan oleh Guru Besar untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 5.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

6.0 ACARA-ACARA

6.1 Acara-acara **berpasukan** seperti berikut :-

1	4 x 100 meter LT	Lelaki	Terbuka	12 tahun ke bawah
2	4 x 100 meter PT	Perempuan	Terbuka	12 tahun ke bawah

6.2 Acara-acara **individu** seperti berikut :-

BIL	ACARA	JANTINA	KELAS	UMUR
3	Lari 100 meter L	Lelaki	L 10	10 tahun ke bawah
4	Lari 100 meter P	Perempuan	P 10	10 tahun ke bawah
5	Lari 100 meter L	Lelaki	L 12	11 hingga 12 tahun
6	Lari 100 meter P	Perempuan	P 12	11 hingga 12 tahun
7	Lari 200 meter L	Lelaki	L 12	11 hingga 12 tahun
8	Lari 200 meter P	Perempuan	P 12	11 hingga 12 tahun
9	Lontar Peluru	Lelaki	L 12	11 hingga 12 tahun
10	Lontar Peluru	Perempuan	P 12	11 hingga 12 tahun
11	Lompat Jauh	Lelaki	L 12	12 tahun ke bawah

6.3 Setiap acara akan dimulakan mengikut masa seperti yang telah ditetapkan di dalam jadual dan buku program. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Pengelola berhak menukar susunan acara yang telah pun ditetapkan sekiranya terdapat perkara atau keadaan yang tidak dapat dielakkan.

7.0 MASA MELAPORKAN DIRI

Peserta hendaklah berpakaian lengkap dengan nombor-nombor badan mereka yang telah disematkan dengan 4 pin baju pada penjuru nombor badan di hadapan dan 4 pin baju pada penjuru nombor badan di belakang baju masing-masing.

7.1 Acara Balapan

Semua peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta (Bilik Panggilan) 30 minit sebelum acara-acara mereka bermula. Semua peserta yang melaporkan diri akan bergerak ke arena 10 minit sebelum acara bermula.

7.2 Acara Padang

Semua peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta (Bilik Panggilan) 45 minit sebelum acara-acara mereka bermula. Semua peserta yang melaporkan diri akan bergerak ke arena 20 minit sebelum acara bermula.

7.3 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, Referi Bilik Panggilan boleh membatalkan penyertaan mereka dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.

7.4 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka akan dibuat TIGA (3) kali sahaja. Maklumat meminta peserta melaporkan diri akan disiarkan di papan kenyataan di tempat penyelia peserta.

7.5 Peserta-peserta TIDAK DIBENARKAN melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.

8.0 PENGGANTIAN

- 8.1 Bagi acara Lari Berganti-ganti, penggantian pelari boleh dibuat dengan peserta yang telah didaftarkan sahaja. Dengan itu semua nama peserta yang mengambil bahagian hendaklah diserahkan kepada Pegawai bertugas bersama dengan Borang Penyertaan.
- 8.2 Seseorang peserta yang diterima sebagai pengganti dibenarkan mengambil bahagian dalam acara-acara yang telah didaftarkan oleh peserta yang menarik diri dan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 8.3 Bagi acara perseorangan dan berpasukan, peserta yang telah didaftarkan sahaja yang layak mengambil bahagian. Peserta gantian tidak dibenarkan.

9.0 PEMBATALAN

- 9.1 Semua peserta yang telah melayakkan diri dari pusingan awal ke pusingan berikutnya, tidak dibenarkan menarik diri daripada menyertai acara tersebut. Sekiranya berlaku, maka peserta berkenaan akan dibatalkan daripada pertandingan berikutnya.
- 9.2 Pengurus Pasukan mestilah memberitahu kepada Bilik Panggilan berkenaan dengan peserta-peserta yang menarik diri di dalam acara balapan dan padang sebelum acara bermula.
- 9.3 Acara yang kurang daripada tiga (3) peserta atau pasukan, acara tersebut akan dibatalkan dan tidak akan dipertandingkan.

10.0 ABJAD/NOMBOR/PAKAIAN PESERTA


- 10.1 Peserta tidak dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai ABJAD/NOMBOR yang ditentukan di hadapan dan di belakang badan.
- 10.2 Semua peserta bersedia dengan nombor yang ditetapkan kepadanya dan nombor tersebut hendaklah disematkan dengan 4 pin baju pada penjuru nombor badan di hadapan dan 4 pin baju pada penjuru nombor badan di belakang.
- 10.3 Ukuran nombor ialah tinggi 10cm dan tebal 1cm. Nombor hendaklah dibuat di atas kain putih atau seumpamanya. Huruf hendaklah dicetak dengan warna dan nombor dicetak dengan warna hitam.
- 10.4 Baju atau jersi bagi acara berpasukan dikehendaki memakai baju atau jersi yang SAMA mengikut pasukan masing-masing. Sekiranya terdapat pasukan yang tidak mematuhi pasukan tersebut akan dibatalkan penyertaan mereka.
- 10.5 Semua atlet lelaki tidak dibenarkan memakai seluar fit (ketat) dan seluar pendek di atasnya dan pemakaian singlet adalah dilarang. Atlet perempuan - tidak dibenarkan memakai T-shirt berlengan pendek beserta stokin tangan dan hendaklah memakai T-shirt yang menutupi paras paha. Dan pastikan pakaian yg dipakai tidak terlalu ketat dan menepati kehendak syarak. Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan ini, peserta tersebut akan dibatalkan.
- 10.6 Pemakaian kasut dan stoking adalah DIWAJIBKAN. Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan ini, peserta tersebut akan dibatalkan.
- 10.7 Abjad/nombor peserta setiap pasukan terdapat seperti di lampiran A.

11.0 PENENTUAN KELAYAKAN PESERTA

- 11.1 Sebanyak 8 peserta/pasukan terbaik dalam semua acara individu dan berpasukan di peringkat zon utara dan selatan akan didaftarkan bertanding ke peringkat negeri iaitu akan memasuki peringkat separuh akhir dan kemudian ke peringkat akhir sekiranya layak.
- 11.2 Kelayakan ke peringkat separuh akhir dan akhir akan berpandukan peraturan pertandingan ini.
- 11.3 Pendaftaran peserta dan pasukan yang layak ke peringkat negeri (akhir) ini akan didaftarkan oleh **sekolah itu sendiri** beserta gambar atlet yang perlu di muat naik ke dalam sistem tersebut.
- 11.4 Peserta yang layak dan telah berdaftar di dalam acara individu tidak boleh ditukar dan peserta tersebut dikehendaki bertanding di peringkat negeri (akhir). Sekiranya peserta yang telah didaftarkan tidak bertanding atau tidak hadir pada hari pertandingan tersebut ianya akan terbatal.
- 11.5 Bagi acara berpasukan seperti acara 4 x 100 meter, peserta-peserta yang terlibat boleh ditukar sebelum pendaftaran peserta di bilik panggilan dan peserta tersebut hendaklah mematuhi peraturan pertandingan.
- 11.6 Bagi acara balapan, jika terdapat dua (2) Separuh Akhir
 - Dua (2) pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) peserta yang mencatat masa terbaik akan layak ke peringkat akhir.
 - 2 separuh akhir x 2 pemenang = 4 orang + 4 masa terbaik = 8 orang layak ke peringkat akhir
- 11.7 Lapan (8) peserta/pasukan yang layak ke pusingan penentuan (akhir) akan bertanding untuk dapatkan pingat emas, perak dan gangsa.
- 11.8 Bagi acara padang iaitu lompat jauh dan lontar peluru, setiap peserta akan membuat lontaran/lompatan sebanyak TIGA (3) kali. Selepas itu lapan (8) peserta akan terpilih ke peringkat penentuan pingat melalui lapan (8) orang peserta yang membuat percubaan terbaik daripada semua peserta acara lontaran/lompatan. Pemenang acara padang ini (lompat jauh dan lontar peluru) akan dikira berdasarkan semua percubaan yang terbaik dari enam (6) lontaran/lompatan.
- 11.9 Berat peluru untuk acara melontar peluru bawah 12 tahun lelaki dan perempuan ialah 2.72 kg.

12.0 PEMBAHAGIAN LORONG

- 12.1 Semua pembahagian dan undian lorong peringkat separuh akhir akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga melalui sistem Snn2u.com yang akan dijalankan secara automatik.
- 12.2 Bagi pusingan berikutnya iaitu pusingan akhir, maka peraturan terkini untuk undian lorong seperti gambar rajah berikut :-



13.0 PENGADIL/PEGAWAI PERTANDINGAN

- 13.1 Majlis Guru-guru Besar Sekolah Sekolah Rendah Islam Negeri Kedah (MERSIK) akan melantik Ketua Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan Jawatankuasa Tertinggi MERSIK untuk bertugas di dalam pertandingan.
- 13.2 Beberapa orang pegawai olahraga yang bertauliah daripada Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dilantik untuk bertugas di bahagian-bahagian yang penting yang memerlukan perlaksanaan undang-undang dan peraturan olahraga dipatuhi.
- 13.3 Semua pegawai yang dilantik hendaklah mengemukakan beberapa dokumen sokongan kepada pengelola sekiranya diminta seperti:
 - 14.2.1 salinan Kad Pengenalan
 - 14.2.2 salinan penyata akaun yang aktif
 - 14.2.3 nombor telefon
- 13.3 Keputusan Pegawai Teknikal dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

14.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 14.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan wang bantahan sebanyak RM200.00. (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja).
- 14.2 Wang bantahan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar dan wang tersebut akan dimasukkan ke akaun MGB MERSIK.
- 14.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Kejohanan/Pegawai Pertandingan dalam masa tidak lewat dari tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi setiap acara diumumkan. Walaubagaimanapun semua prosedur aturcara bantahan perlu dipatuhi.

15.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 15.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh MGB MERSIK.
- 15.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib yang terdiri daripada beberapa orang Juri Rayuan yang dilantik dan mereka berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 15.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib Kejujanaan Olahraga (KEJORA) adalah muktamad.

16.0 KAWASAN PERTANDINGAN

- 16.1 Hanya pegawai-pegawai pertandingan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja dalam acara masing-masing dibenarkan berada dalam kawasan pertandingan.
- 16.2 Selain daripada pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, TIADA SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.
- 16.3 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat khas tersebut.
- 16.4 Kawasan pertandingan akan diawasi oleh pengawas arena yang bertugas.

17.0 HAL-HAL LAIN

- 17.1 Selepas memberi baton (Change Over) dalam acara 4 x 100 meter, peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing atau ditempatnya sehingga pertukaran baton semua pasukan lain selesai supaya tidak mengganggu pasukan lain. Semua peserta dilarang sama sekali membaling atau melambung baton sebelum atau selepas tamat sesuatu perlumbaan.
- 17.2 Semua peserta dan pegawai dari pasukan masing-masing atau sesiapa sahaja tidak dibenarkan lari beriringan dengan mana-mana peserta yang sedang bertanding. Seterusnya bersorak dari dalam padang juga tidak dibenarkan sama sekali. Jika perkara ini berlaku, peserta tersebut akan dibatalkan.
- 17.3 Semua acara yang dipertandingkan di arena trek balapan dibenarkan menggunakan blok permulaan (starting block). Keputusan ini bergantung kepada mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 17.4 Acara yang dipertandingkan di arena trek balapan digalakan memakai kasut spikes kerana ia adalah jenis sintetik. Paku kasut spikes tersebut hendaklah tidak melebihi 9mm.
- 17.5 Peserta-peserta yang ingin menanda di tempat pertandingan tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya. Mereka hendaklah menggunakan pita pelekat yang disediakan oleh pihak Pengelola. Ukuran maksimum pita pelekat yang dibenarkan ialah 5 cm x 40 cm.

- 17.6 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan dan kemalangan yang berlaku semasa pertandingan sedang dijalankan walaupun beberapa kemudahan disediakan untuk mengelakkannya. Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan seseorang peserta atau pegawai di mana-mana sahaja di dalam padang semasa pertandingan berlangsung.

18.0 HADIAH-HADIAH

- 18.1 Kejohanan ini menawarkan 11 pingat Emas. Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

18.1.1 Lelaki

Bil	Acara	Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1	100 meter (10)	1	1	1
2	100 meter (12)	1	1	1
3	200 meter	1	1	1
4	4 x 100 meter	1 (5)	1 (5)	1 (5)
5	Lontar peluru	1	1	1
6	Lompat Jauh	1	1	1
JUMLAH		6 (5)	6 (5)	6 (5)

18.1.2 Perempuan

Bil	Acara	Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1	100 meter (10)	1	1	1
2	100 meter (12)	1	1	1
3	200 meter	1	1	1
4	4 x 100 meter	1 (5)	1 (5)	1 (5)
5	Lontar peluru	1	1	1
JUMLAH		5 (5)	5 (5)	5 (5)

- 18.2 Pingat-pingat kemenangan akan dihadiahkan kepada pemenang-pemenang sebaik sahaja selesai semua acara akhir.
- 18.3 Pemenang pertama berdiri di tengah-tengah pemenang kedua di kanannya dan pemenang ketiga di kirinya.
- 18.4 Sebaik sahaja penyampaian pingat-pingat, bendera sekolah pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga dibenarkan berkibar di belakang pemenang yang di bawa oleh pembawa bendera atau pembantu dari sekolah tuan rumah.
- 18.5 Jawatankuasa Pengelola akan meminta agar bendera sekolah semua sekolah yang mengambil bahagian dibawa pada Kejohanan ini.

19.0 ANUGERAH-ANUGERAH KHAS

19.1 Anugerah Olahragawan dan Olahragawati.

Penentuan pemenang anugerah ini akan diberi kepada peserta terbaik keseluruhan (lelaki dan perempuan) berdasarkan kepada kriteria berikut:-

19.1.1 Peserta yang memecah rekod dan menjadi rekod baru kejohanan dan jumlah rekod yang diperbaharui dengan mengambil kira bilangan pingat emas, perak, dan gangsa. Sekiranya kedudukan sama, usia rekod boleh diambil kira.

19.1.2 Sekiranya tiada rekod yang diatasi/dicatat, jumlah pungutan pingat emas atau perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira.

19.1.3 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.

19.2 Johan Keseluruhan

Anugerah Johan Keseluruhan akan dianugerahkan kepada kontinjen sekolah yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika berlaku seri, kiraan pungutan pingat perak terbanyak akan diambil kira, jika masih seri, kiraan pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.

PERATURAN TAMAT

Disediakan oleh

JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN
Kejohanan Olahraga Sekolah-sekolah Rendah Islam
Negeri Kedah Darul Aman ke 17
Tahun 2025

HURUF DAN NOMBOR PASUKAN OLAHRAGA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH ISLAM NEGERI KEDAH

BIL	NAMA SEKOLAH	DAERAH	ABJAD	NOMBOR
1	SEKOLAH RENDAH ISLAM ALOR SETAR	KOTA SETAR	A	001 - 025
2	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL HIJRAH	BALING	B	376 - 400
3	SEKOLAH RENDAH ISLAM AT TOYYIBAH	KUBANG PASU	C	276 - 300
4	SEKOLAH RENDAH AGAMA DARIS	KUALA MUDA	D	051 - 075
5	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL NAIM	BALING	E	226 - 250
6	SEKOLAH RENDAH AGAMA AKHLAK AL ISLAMIAH	YAN	F	401 - 425
7	SRITI TARBIATUL AULAD	PENDANG	G	451 - 475
8	SEKOLAH RENDAH AL ISLAH	KUALA MUDA	H	251 - 275
9	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL ISLAH	KULIM	I	601 - 625
10	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL MUSLIMIN	BALING	J	476 - 500
11	SEKOLAH RENDAH ISLAM TAHFIZ DARUL MUMTAZ	KULIM	K	501 - 525
12	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL ULUM	LANGKAWI	L	426 - 450
13	SEKOLAH AKADEMI ISLAM HAJI ABDULLAH SUBOH	KUALA MUDA	M	201 - 225
14	SEKOLAH RENDAH ISLAM NURUL HIDAYAH	KULIM	N	101 - 125
15	SRITI IBNU KHALDUN	KULIM	O	626 - 650
16	SEKOLAH RENDAH ISLAM ISLAH	PENDANG	P	076 - 100
17	SEKOLAH RENDAH ISLAM TAHFIZ SAINS AN NAJIHIN	KULIM	Q	326 - 350
18	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL AMAN	KOTA SETAR	R	351 - 375
19	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL MAARIF	KUALA MUDA	S	176 - 200
20	SRL IHSANIAH, SUNGAI PETANI	KUALA MUDA	T	151 - 175
21	SEKOLAH RENDAH ISLAM UMMI	KOTA SETAR	U	126 - 150
22	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL KHAIRIAH	PADANG TERAP	V	551 - 575
23	SEKOLAH RENDAH ISLAM TARBIYAH AWLADIYYAH	PENDANG	W	526 - 550
24	SEKOLAH RENDAH ISLAM ZUBAIDIYAH	KUALA MUDA	X	576 - 600
25	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL ULUM	KOTA SETAR	Y	301 - 325
26	SEKOLAH RENDAH AL - AZHAR	KUBANG PASU	Z	026 - 050
27	MAAHAD AL IMAN LIL ULUMIL QURAN	BALING	AA	651 - 675
28	SEKOLAH RENDAH AN NAJAAH	KOTA SETAR	AB	676 - 700
29	SEKOLAH RENDAH AGAMA DINIAH AL ISLAMIAH	BALING	AC	701 - 725
30	SRI TARBIYAH AL ISLAMIAH DARUL AMAN	KOTA SETAR	AD	726 - 750
31	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL FATEH	PADANG TERAP	AE	751 - 775
32	SRITI DARUL AMAN	KOTA SETAR	AF	776 - 800
33	SRITI NURUL HIDAYAH	PADANG TERAP	AG	801 - 825
34	SRITI AL MUNIR	SIK	AH	826 - 850
35	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL JANNAH	KULIM	AI	851 - 875
36	SEKOLAH RENDAH TAHFIZ SAINS AL FALAH	BALING	AJ	876 - 900
37	SRITI IBNU UMAR	KULIM	AK	901 - 925
38	SRITI AT TAKLIMIAH	KOTA SETAR	AL	926 - 950
39	SRITI IBNU ABBAS	YAN	AM	951 - 975
40	SRITI RAUDHATU AS-SOLIHIN	KOTA SETAR	AN	976 - 1000
41	SRITI DARUL ULUM	BALING	AO	001 - 025
42	MAAHAD PENDIDIKAN AL FATEH, KODIANG	KUBANG PASU	AP	026 - 050
43	MADRASAH ISLAHIAH DINIAH MEMALI	BALING	AQ	051 - 075

44	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL KHAIRIE	LANGKAWI	AR	076 - 100
45	SRITI AN NUR	KUBANG PASU	AS	101 - 125
46	MAAHAD TARBIAH MUSLIM NUSANTARA	KULIM	AT	126 - 150
47	SRITI AL FATEH	KULIM	AU	151 - 175
48	SMART TAHFIZ DARUL BAYAN	KUALA MUDA	AV	176 - 200
49	SRITI RUHUL MANNAN	KUALA MUDA	AW	201 – 225
50	SEKOLAH RENDAH ISLAM TAHFIZ MUTMAINNAH	KUALA MUDA	AX	226 - 250